



Headline: Kes penipuan dalam talian paling tinggi
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 31 December 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 4

Kes penipuan dalam talian paling tinggi

Tapah: Sepanjang Januari hingga Disember ini, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tapah merekodkan banyak kes penipuan dan yang tertinggi ialah penipuan secara dalam talian seperti *Macau Scam* membabitkan jumlah kerugian lebih RM2.1 juta.

Ketua Polis Daerah Tapah, Superintendan Wan Azharuddin Wan Ismail berkata, kes membabitkan pecah amanah pula mencatatkan kerugian lebih RM223,000 manakala kes pinjaman wang tidak berlesen merekodkan kerugian lebih RM142,000.

"Statistik kes mendapati penipuan secara dalam talian ini membabitkan pinjaman tidak wujud di Facebook (FB), *Macau Scam* dan pembelian barangan selain *parcel scam*.

"Taktik diguna pula membabitkan tawaran kadar bayaran bulanan rendah, tiada caj tambahan selain menyamar sebagai pegawai polis," katanya pada kenyataan, semalam.

Menurut beliau, panggilan telefon dibuat anggota sindiket pula menggunakan teknologi *Voice Over Internet Protocol (VOIP)* yang perisian ini mampu mengubah talian kepada sesiapa sahaja yang ditetapkan oleh sindiket.

"Suspek akan menakutkan mangsa dengan memaklumkan mangsa terbahit dengan kes jenayah sebelum meminta mangsa memindahkan wang ke akaun bank tertentu," katanya.

Taktik lain ialah berkenalan dengan mangsa di *Facebook* sebelum penjenayah menawarkan hadiah sebagai tanda persahabatan.

Penjenayah kemudiannya meminta butiran peribadi mangsa untuk menghantar hadiah sebelum akhirnya diminta melunaskan caj cukai dan se-



Panggilan telefon dibuat anggota sindiket pula menggunakan teknologi *Voice Over Internet Protocol (VOIP)* yang mana perisian ini mampu mengubah talian kepada sesiapa sahaja yang ditetapkan oleh sindiket"

**Wan Azharuddin
Wan Ismail**

RM2.1j

Jumlah kerugian penipuan secara dalam talian seperti *Macau Scam*

bagainya.

"Punca utama yang menyebabkan mangsa terpedaya ialah kurang pendedaran berkaitan sindiket ini serta taktik digunakan mereka.

"Jika dihubungi individu seperti ini, orang ramai boleh menghubungi IPD Tapah di talian 05-4015222," katanya.